

PM, Siti Hasmah dirai di New York

UM 26 SEP 2003

NEW YORK 25 Sept. — Bukan semua pemimpin akan menerima penghormatan dan penghargaan besar dalam hidup mereka tetapi bagi Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari-hari terakhir menjelang persaraannya memperkuat suatu hakikat bahawa beliau begitu disayangi rakyat Malaysia termasuk di seberang laut.

Pada majlis makan malam untuk meraikan beliau sempena lawatannya ke New York semalam, Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali tidak dapat menahan sebak dengan penghormatan yang diberikan oleh rakyat Malaysia di bandar raya ini.

Majlis yang berlangsung di Hotel Grand, Chinatown itu dihadiri bukan sahaja rakyat Malaysia di New York malah dari wilayah lain Amerika Syarikat (AS) yang tidak mahu melepaskan kesempatan menemui Dr. Mahathir yang akan bersara akhir bulan depan.

Hampir 300 rakyat Malaysia kebanyakannya berketurunan Cina dan selebihnya para pelajar Melayu di beberapa universiti di AS memenuhi dewan jamuan majlis itu yang dianjurkan oleh Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar biarpun dengan notis yang singkat.

Majlis dimulakan dengan lagu *Negara Ku* dan *Kerana Mu* sebelum diikuti persembahan beberapa orang rakyat Malaysia di New York dan persembahan

tajaan Tourism Malaysia yang menampilkan gabungan rakyat Malaysia dan rakyat negara lain di bandar raya ini.

Penampilan penyanyi Khadijah Ibrahim yang merancang untuk membuka restoran di sini, pada majlis itu kemudian menjadikan suasana malam itu ceria dengan persembahannya yang menarik.

Ceria

Bagaimanapun suasana ceria itu berubah apabila Khatijah merakamkan penghargaannya kepada Dr. Mahathir yang dianggapnya sebagai negarawan terbilang.

Dengan nada sebak kemudiannya, Khatijah mengumumkan pada majlis itu beliau akan menghadiahkan sebuah lagu berjudul *Lagenda* yang dipopularkan oleh Sheila Majid khas buat Dr. Mahathir.

Selepas itu, Perdana Menteri dan isteri dikerumuni oleh para hadirin yang ingin berbual, bersalaman, mendapatkan autograf serta bergambar sehinggakan pengacara majlis beberapa kali meminta para hadirin kembali ke tempat duduk masing-masing.

Keadaan itu juga memaksa anggota-anggota keselamatan AS yang memberikan kawalan khas kepada beliau selaku pemimpin yang turut menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terpaksa campur tangan menyuraikan para hadirin.

Dalam ucapan ringkasnya pada malam itu, Dr. Mahathir memuji rakyat Malaysia di seberang laut yang walaupun mencari rezeki di negara orang tetapi mempunyai ingatan yang kuat kepada tanah air.

“Majlis ini serta acara-acara seperti Hari kebangsa-

an yang anda semua sambut di sini mencerminkan bahawa rakyat Malaysia cukup berbangga dan sayangkan negara mereka,” katanya yang tertarik dengan semangat patriotisme yang ditunjukkan oleh para hadirin pada majlis itu. — *Utusan*